

B518

MAHATHIR-DEB

1982

SHAH ALAM, 22 JAN. (BERNAMA) --DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI HAKIKAT BAHAWA BANYAK SYARIKAT DI NEGARA INI BERKEMBANG MAJU HINGGA MENJADI BADAN-BADAN YANG RAKSASA MEMBUKTIKAN BAHAWA DASAR EKONOMI BARU (DEB) TIDAK MENYEKAT PERKEMBANGAN INDUSTRI.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA DAKWAAN KONONNYA DASAR ITU MENYEKAT PERTUMBUHAN SEKTOR SWASTA ADALAH DUSTA YANG SENGAJA DISEBARKAN OLEH SETENGAH-SETENGAH PIHAK.

BERUCAP MERASMIKAN PUSAT LATIHAN SYARIKAT UNITED MOTOR WORKS (UMW) DI SINI, BELIAU MENYEBUT KEMAJUAN DAN PERKEMBANGAN YANG DICAPAI OLEH UMW SEBAGAI BUKTI YANG DAPAT MENYANGKAL DAKWAAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SYARIKAT TERSEBUT, WALAUPUN MEMATUHI DASAR EKONOMI BARU, MASIH DAPAT TERUS BERKEMBANG MAJU DAN KINI MENJADI SALAH SEBUAH SYARIKAT YANG TERKEMUKA DI NEGARA INI.

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA TIDAK ADA NEGARA DI DUNIA YANG TIDAK MENGENAKAN SYARAT KE ATAS KEGIATAN-KEGIATAN EKONOMI DALAM NEGARA MASING-MASING.

+NAMUN DEMIKIAN SYARAT-SYARAT ITU TIDAK PULA MENYEKAT PERKEMBANGAN, KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN SYARIKAT-SYARIKAT DI NEGARA-NEGARA TERSEBUT.

+DEGITULAH JUGA DI MALAYSIA INI, DASAR EKONOMI BARU YANG DILAKSANAKAN TIDAK SEKALI-KALI MENYEKAT PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGAN INDUSTRI DAN SYARIKAT DI NEGARA INI+, TEGASNYA.

--BERSAMBUNG1215/AN

B519

MAHATHIR-DEB 2 SHAH ALAM

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA HAKIKAT INI MENUNJUKKAN BAHAWA DEB TIDAK MENYEKAT PERKEMBANGAN INDUSTRI JIKA INDUSTRI-INDUSTRI ITU MEMPUNYAI KECEKAPAN UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN.

+OLEH ITU INI MEMBUKTIKAN BAHAWA DEB MEMBOLEHKAN SEKTOR SWASTA TERUS BERKEMBANG WALAUPUN IA MEMATUHI KEHENDAK-KEHENDAK DASAR EKONOMI BARU+, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENEKANKAN PERLU NYA SETIAP SYARIKAT DI NEGARA INI MENGADAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LATIHAN.

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN INI, JELASNYA, TIDAKLAH SEMESTINYA DIBATASKAN KEPADA TUJUAN MELATIH PARA PEKERJA SENDIRI TETAPI JUGA MELATIH TENAGA PEKERJA DARI SEKTOR-SEKTOR LAIN.

BELIAU MENJELASKAN DENGAN LANGKAH SEDEMIKIAN, SYARIKAT-SYARIKAT ITU BUKAN SAHAJA AKAN MEMENUHI KEPERLUAN TENAGA MAHIR UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI TETAPI AKAN DAPAT MEMBANTU MEWUJUDKAN TENAGA MAHIR UNTUK KEPERLUAN NEGARA.

+KERAJAAN MENYAMBUT BAIK SEBARANG USAHA MENGADAKAN KEMUDAHAN LATIHAN KERANA INI BERMAKNA IA AKAN MENJADI SUMBANGAN TERHADAP USAHA-USAHA NASIONAL,+ JELASNYA.

--BERSAMBUNG 1219/AN

MAHATHIR-DEB 3 SHAH ALAM

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP DENGAN MENGADAKAN KEMUDAHAN LATIHAN, USAHA-USAHA MEWUJUDKAN TENAGA PEKERJA BUMIPUTERA YANG TERLATIH AKAN DAPAT DIPERTINGKATKAN LAGI.

+HASRAT KERAJAAN IALAH SUPAYA SUATU HARI NANTI, PEMBAHAGIAN KEMAHIRAN MENGIKUT KAUM YANG WUJUD SEKARANG AKAN DAPAT DIHAPUSKAN,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENEGASKAN BAHAWA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LATIHAN ITU PERLU DIADAKAN BAGI MEMBOLEHKAN TENAGA MAHIR DIWUJUDKAN SECEPAT MUNGKIN.

+KITA TAHU KEMAHIRAN DAPAT DIWUJUDKAN MENERUSI PENGALAMAN TETAPI PROSES INI AKAN MENGAMBIL MASA YANG LAMA TETAPI DENGAN MENGADAKAN KEMUDAHAN LATIHAN, PROSES INI DAPAT DIPERCEPATKAN+, KATANYA.

BELIAU BERKATA LANGKAH INI ADALAH PERLU KERANA KERAJAAN MAHU NEGARA MENYERTAI BIDANG INDUSTRI BERAT SECEPAT MUNGKIN DAN TIDAK BOLEH MENUNGGU TERLALU LAMA SEHINGGA WUJUDNYA TENAGA MAHIR DAN TERLATIH SEBELUM MELANGKAH KE DALAM BIDANG TERSEBUT.

TURUT SAMA IALAH MENTERI BESAR SELANGOR DATUK HAJI HORMAT RAFEI, MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT DATUK RICHARD HO DAN MENTERI KERJAYA DAN KEMUDAHAN AWAM DATUK S. SAMY VELLU.

--BERSAMBUNG 1235/AN

B527

MAHATHIR-DEB 4 SHAH ALAM

SEBELUM ITU, PENERUSI UMW ENCIK C. SELVARAJAH BERKATA SYARIKATNYA SEHINGGA INI TELAH MELATIH SERAMAI 3,600 ORANG TERMASUK MEREKA DARI BADAN-BADAN KERAJAAN, ANGKATAN TENTERA DAN SYARIKAT-SYARIKAT PELANGGAN.

SYARIKAT ITU MEMBELANJAKAN KIRA-KIRA \$5 JUTA UNTUK MELATIH MEREKA. TAHUN LALU SAHAJA SYARIKAT ITU MELATIH 1,370 ORANG DENGAN BELANJA SEJUMLAH \$1.6 JUTA.

--BERNAMA 1236/AN